

Tiada Komuniti Termasuk Golongan Minoriti Terpinggir - Najib Bernama
14 April, 2013

PETALING JAYA, 14 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) sentiasa memastikan tiada komuniti, termasuk golongan minoriti dipinggirkan daripada program pembangunan negara.

Perdana Menteri berkata kerajaan di bawah pentadbirannya sentiasa memberi peluang kepada setiap rakyat untuk berjaya walaupun mereka adalah dari kalangan masyarakat minoriti.

"Sejak dilantik menjadi perdana menteri, saya cuba pastikan tiada komuniti sama ada kecil atau besar akan terpinggir dan kehadiran saya ke Gurdwara Sahib ini membuktikan saya buat apa yang dicakap atau 'walk the talk'," katanya pada majlis sambutan Hari Vaisakhi atau Tahun Baharu masyarakat Sikh di Gurdwara Sahib di Petaling Jaya, Ahad.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor, menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Datuk Seri G. Palanivel dan Presiden Gurdwara Sahib Harbhajan Kaur.

Najib berkata kejayaan beberapa individu dari kalangan masyarakat Sikh yang menjawat jawatan penting dalam kerajaan, seperti Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Datuk Himmat Singh, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia Datuk Ranjit Ajit Singh dan Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Amar Singh Ishar Singh adalah antara bukti, kerajaan tidak pernah meminggirkan mana-mana kaum.

Perdana Menteri berkata sejak tahun 2008 sehingga kini kerajaan telah menyalurkan dana sebanyak RM21 juta kepada badan-badan bukan kerajaan yang mewakili kaum Sikh di seluruh negara.

Najib berkata sejak mengambil alih teraju kerajaan, beliau dan anggota kabinet berusaha memenuhi keperluan masyarakat dan bagi mendapatkan kepercayaan mereka untuk bekerjasama memastikan kejayaan program transformasi.

"Kita telah mewujudkan apa yang saya panggil sebagai keyakinan dari masyarakat Sikh..kepercayaan dengan apa yang kami wujudkan dan saya amat yakin, kita akan meneruskan dengan kepercayaan ini.

Beliau berkata kemajuan dan pembangunan yang dibawa kerajaan kepada masyarakat Sikh memberi keyakinan dalam kalangan masyarakat itu untuk terus menyokong kerajaan.

Najib berkata sokongan ini akan membawa kepada pengukuhan sebuah masyarakat yang pelbagai, sekaligus memberi kesejahteraan kepada setiap kaum.

Pada majlis itu, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan RM3.8 juta kepada 10 badan bukan kerajaan mewakili kaum Sikh antaranya Majlis Gurdwara Malaysia, Pertubuhan Sikh Naujawan Sabha dan Pertubuhan Jaringan Kesedaran Wanita Sikh Malaysia termasuk kepada Gurdwara Sahib Pataling Jaya, Subang dan Shah Alam Selangor serta Bayan Baru, Pulau Pinang.

Terdahulu, ketibaan Najib yang berbaju putih dan bersongkok hitam bersama isteri diberi

sambutan meriah sebelum dibawa menikmati sarapan pagi dengan pelbagai juadah tradisi kaum Sikh seperti samosa, jalebi dan barfi.

Ini merupakan kali kelima Najib meluangkan masa meraikan Vaisakhi dengan masyarakat Sikh.

Pertama kali di Gurdwara Kampung Baharu pada 2009, diikuti Ipoh dan Dataran Merdeka tahun lepas dan tahun sebelumnya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941922>